

## **Firma penyelidikan kekal unjuran pendapatan Sunway Construction**

**KUALA LUMPUR:** Beberapa firma penyelidikan mengekalkan unjuran pendapatan masing-masing ke atas Sunway Construction Group Bhd berikutan perolehan kontrak bercagar RM268 juta untuk kerja pembinaan utama di International School Kuala Lumpur (ISKL) di Ampang.

Projek terbaru ini menjadikan kontrak bercagar Sunway Construction setakat ini, tahun ini kepada RM2.4 bilion dan meningkatkan nilai pemerolehan dalam tangannya sebanyak enam peratus kepada RM4.9 bilion, kata empat firma penyelidikan.

Maybank IB Research, Hong Leong Investment Bank (HLIB), Kenanga Research dan AllianceDBS Research berkata angka berkenaan adalah dalam jangkaan memandangkan kontrak ISKL adalah selaras dengan sasaran Sunway Construction untuk memperoleh RM2.5 bilion projek dalam tahun kewangan semasa berakhir 31 Dis, 2016.

AllianceDBS Research ber-kata ia mengekalkan penda-patan FY16-FY18 ke atas Sunway Construction, walau-pun terdapat kebarangkalian tinggi ia akan melebihi RM2.5 bilion pemerolehan projek yang dijangkakan dalam ta-hun kewangan tersebut.

“Kami menganggap tiada lagi kontrak yang dimenangi oleh bahagian pembinaan, namun tambahan RM300 juta bagi bahagian pratuang.  
— Bernama